

Biasanya kita akan berasa kagum melihat sijil-sijil pencapaian akademik seseorang terutamanya mereka yang berjaya hingga ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD).

Namun tidak semudah melihat sekeci sijil yang mencatat pencapaian itu... ada cerita penuh onak duri di sebalik usaha mengejar gelaran 'Dr' tersebut.

Antara tuntutan pengorbanan dan tanggungjawab demi masa depan, sudah tentu kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Nasir Selamat turut berkongsi pengalamannya mengambil PhD.

Bergelar graduan sarjana pada 2004, beliau sempat bekerja tiga tahun dalam industri swasta sebelum mengejar cita-cita terjun ke bidang kebidanan pendidikan untuk menjadi pensyarah.

"Saya memilih mengajar di UKM dan lepas dua tahun di situ saya ditawarkan cuti belajar dan buat PhD. Saya pilih buat PhD di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

"Ikutkan masa PhD tu pengorbanan paling ketara untuk sambung semula belajar, sebab dah lama iaitu tujuh tahun tinggalkan bidang akademik. Walaupun masa mengajar bidang akademik, tapi untuk buat *research* tu, peringkat PhD memang sangat berat," katanya.

Menurutnya, biarpun menyambung pengajian kerana saranan majikan, pada peringkat awal lagi beliau sememangnya menyasarkan untuk mendapatkan PhD.

Padanya cabaran dan pengorbanannya sudah bermula apabila berpindah dan tinggal di USM untuk menuntut di sana secara sepenuh masa.

"Selama empat tahun di USM saya bergelumang dengan *research*. Cabaran itu bagi saya ambil tempoh masa yang lama. Di situ, *supervisor* (penyelia) saya pula antara yang hebat dekat School tersebut.

"Di situ, *expectation supervisor* itu memang tinggi, beliau nak kita buat yang terbaik antara terbaik. Jadi bukan senang, kajian saya pulang memang untuk *contribute* kepada industri. Perlu keluar dengan benda baharu dan cari kelainan

Onak duri kejar PhD

Tuntutan pengorbanan dan tanggungjawab demi masa depan



Keputusan menyambung pengajian terutama di peringkat PhD menuntut banyak pengorbanan.

dari sebelum ini. Ini yang *supervisor* mahu. Saya ambil masa empat tahun lebih juga untuk siapkan PhD," katanya yang kembali mengajar sejak dua tahun lalu.

Terpaksa melangkaui masa lebih sedikit dari ditetapkan dalam tempoh cuti belajar, Dr Nasir berkata, ia bukanlah sesuatu yang mudah kerana ada seangkatannya hanya baharu tamat PhD baru-baru ini dan tidak kurang juga ada terus 'menghilang'.

Ditanya kesukarannya ketika menyambung PhD, menurutnya kadangkala faktor bergantung kepada penyelia, dan selebihnya kepada diri penuntut itu sendiri.

"Jika kita disiplin, ia akan jadi mudah, kalau tidak, ia akan jejakkan *write up* kita. Nak buat *write up* juga bukan senang kerana ia berdasarkan ia berdasarkan ayat kita dari fakta-fakta dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

"Pengorbanan utama pada saya ialah masa, pengorbanan perhubungan dengan rakan-rakan, kadang perlu masa untuk diri sendiri tak berhubung dengan sesiapa

dalam sebulan ke dua bulan. Saya sendiri dulu selalu terlepas tengok TV, kerana perlu tumpu pada *research* kita sahaja. Apa-apa kita baca hanyalah jurnal hingga kadang tak tahu dah apa isu-isu semasa," katanya.

Menurutnya, apa pun baginya selepas masuk ke bilik viva, segala beban ditanggung sebelum ini tidak lagi terasa.

Dr Nasir berkata, faktornya yang masih bujang juga memudahkannya menyiapkan

PhD berbanding mereka yang sudah berkeluarga di mana perlu membahagikan komitmen masa.

"Jangan rasa terbeban sendiri. Jika ramai kawan, boleh bantu bagi info, kerana ada perkongsian maklumat. Walaupun tidak mudah, bagi saya ramai berjaya habiskan PhD, cuma cepat atau lambat sahaja.

"Mungkin yang masih muda itu, sebaik tamat pengajian ijazah elok terus sambung ke sarjana dan PhD, kerana kita masih



Dr Nasir (belakang, empat kanan) dan pengurusan Kumpulan Media Karangraf, serta tetamu semasa lawatan bersama penuntutnya ke Karangraf, Shah Alam, baru-baru ini.



Ceria pada hari konvokesyen selepas berpenat lelah melalui liku pengajian PhD.